# BAB 6

# BAB 6

# RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP

## A. Rumusan

Objektif utama bab ini ialah untuk memaparkan ringkasan mengenai tajuk kajian *"Pembentukan Polisi Awam Dan Perkembangan Politik Di Kelantan : Satu Kajian Terhadap Persepsi UMNO Dan PAS"*. Penemuan analisis data serta penemuan data menerusi kaedah analisis secara bersilang sebagaimana yang telah dibincang di dalam Bab 4 dan 5 diberi keutamaan. Di samping itu, beberapa cadangan samada berteras hasil penyelidikan mahupun syor daripada pengkaji di ketengahkan. Akhirnya, satu catatan penutup terhadap kajian turut dikemukakan.

Mengenai penemuan analisis di dalam Bab 4, pengkaji mengagihkannya kepada lapan (8) kategori. Di antara yang agak menarik ialah analisis kecenderungan berparti; faktor kecenderungan mengundi dan pembentukan polisi; reaksi responden terhadap manifesto PAS 1990 dan 1995; serta orientasi mengenai isu-isu semasa yang mencetus kontroversi.

Aspek korelasi yang signifikan di antara dua angkubah bebas dan sandar menjadi teras analisis data secara bersilang di dalam Bab 5. Rumusan hasil penemuan di kategori kepada empat (4) isu pokok.

*Pertama*, berkait proses pembentukan budaya politik; diikuti pembentukan polisi Kerajaan Kelantan. *Ketiga*, penilaian mengenai orientasi responden terhadap pelaksanaan Manifesto PAS 1990 dan 1995. *Keempat*, mengukur pandangan responden berhubung korelasi yang melibatkan beberapa isu semasa.

## I. Ringkasan Penemuan

Perkembangan politik Kelantan sejak pemerintahan semula PAS pada Oktober 1990 menerusi kerjasama Angkatan Perpaduan Ummah (APU) terus menarik perhatian. Kejayaan parti itu mengekal tampuk pemerintahan semasa Pilihanraya Umum (PRU) 25 April 1995 hingga tempoh kajian berakhir pada Januari 1997, dilihat menghadapi senario politik yang tidak menentu. Di antara peristiwa yang menyumbang ke arah kegawatan politik Kelantan termasuklah isu yang melibatkan hubungan PAS - PMS 46 dan Pilihanraya Kecil (PRK) Pulai Chondong pada 6 Januari 1997. Peranan UMNO dan pihak Istana turut menjadi faktor pemangkin.

Analisis mendapati hubungan PAS - PMS 46 sebenarnya telah renggang sebaik saja gagasan itu berjaya menguasai Kelantan semasa PRU 1990. Kerenggangan berpunca dari pakatan longgar yang di asas antara kedua pihak. Tatkala itu, usaha

menjatuhkan UMNO menjadi pengikat sementara titik tolak pakatan yang kemudiannya di namakan APU.

Di samping asas pakatan yang agak longgar, arahtuju perjuangan yang bertentangan turut menjadi faktor penyumbang. PAS di kata *"synonymous"* Islam sedangkan PMS 46 pula mirip kepada perjuangan UMNO.

Pergeseran awal semakin merebak menjelang PRU 1995. Bermula dengan agihan kuota kerusi yang agak pincang di antara PAS dengan PMS 46 pada nisbah 27 : 16 (62.8% : 37.2%), pergeseran terus berlarutan kepada tuntutan kepentingan PMS 46 dalam peruntukan jawatan EXCO dan jawatan-jawatan politik di Majlis Kerajaan Tempatan. Tindakan PAS menentukan agihan kerusi yang tidak seimbang tersebut dipercayai ada kaitan dengan kecurigaan parti itu yang bimbang PMS 46 berpaling tadah. Ternyata kebimbangannya itu menepati.

PAS sedar pada prinsipnya semasa PRU 1990, ketaatan rakyat Kelantan terhadap Istana masih teguh. Kesempatan terbuka ketika itu terus dieksploitasi dengan membina *"jambatan"* perhubungan menerusi PMS 46. Tambahan pula, hubungan Tan Sri Mohammad Yaakub, bekas MB (kini dilantik sebagai YDP Dewan Negara) dengan Istana cukup runcing.

Berdasarkan *"platform"* hubungan PAS dengan Istana terbina menerusi pihak ketiga, permasalahan dengan PMS 46 turut memberi impak. Kehadiran Tengku Razaleigh Hamzah, bapa saudara Tengku Anis, Permaisuri Sultan Kelantan; keakraban hubungan isteri Datuk Wan Hashim Wan Daud, SUK dengan Tengku Permaisuri; dan penguasaan Sultan ke atas Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN) meletakkan PAS semakin tertekan.

Agenda merampas semula Kelantan belum memudarkan UMNO. Usaha-usaha terus diteroka untuk menentukan parti itu berjaya meraih undi rakyat. Di tahap ini, kejayaan paling bermakna apabila berjaya menganjur majlis *"Perhimpunan Penyatuan Melayu"* pada 3 Oktober 1996 diikuti dengan pembubaran PMS 46. Penemuan ini sekaligus meletakkan satu inspirasi baru dan harapan tinggi UMNO memenuhi agenda politiknya yang belum berakhir di Kelantan.

## II. Penemuan Analisis Data

### a. Latarbelakang Responden

Bagi menyiapkan kajian, seramai 267 responden terdiri dari pelbagai parti politik telah dipilih; tumpuan ke atas masing-masing sepuluh (10) Ahli Jawatankuasa (AJK) UMNO dan PAS peringkat Bahagian. Bakinya, seramai 67 orang terdiri dari ahli MCA

yang menganggotai Dewan Perhimpunan China Kelantan (DPCK), Pegawai dan kakitangan di Jabatan-jabatan MPKB, Istana, MAIK dan JHEAIK.

Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada lelaki (85.8 peratus). Rata-rata mereka berumur dalam lingkongan di antara 36 hingga 45 tahun. Dalam konteks akademik, sebahagian besar responden berkelulusan SPM dan STPM. Kedua-dua kategori masing-masing mencatatkan nisbah sebanyak 43.1% : 34.5%.

Analisis turut mendapati majoriti berkhidmat dengan sektor Kerajaan (65.5 peratus) terutama Kerajaan Negeri pada kadar 49.8 peratus. Bagi kumpulan C (45.0 peratus), kebanyakan darinya telah berkhidmat melewati lima tahun (59.4 peratus).

**b. Kecenderungan Berparti dan Pengundian**

Dari segi kecenderungan berparti pula, statistik yang memilih UMNO dengan PAS pada kadar 42.3% : 47.6%. Ini menunjukkan elemen mengindentifikasi diri dengan parti sudah menjadi budaya politik masyarakat Kelantan. Jika mengambilkira andaian yang berteras sampel dipilih di antara UMNO dan PAS adalah seimbang, lebihan yang menyokong PAS mungkin terdiri dari Pegawai dan Kakitangan di Jabatan kajian.

Seperkara yang turut menarik ialah wujudnya minat tinggi responden terhadap politik. Sehubungan itu, sebanyak 48.3 peratus menyatakan penglibatan mereka melebihi 16 tahun. Berdasar data ini didokong ketinggian minat berpolitik, tidak keterlaluan dikatakan kedua faktor tersebut mampu menyumbang kepada persaingan sengit berlarutan UMNO - PAS di Kelantan. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan pengakuan responden mendaftar sebagai pengundi sah (94.8 peratus) dan 85.3 peratus darinya telah terlibat antara 3 hingga 6 kali PRU.

Keprihatinan tinggi terhadap politik turut dicermin menerusi proses pengundian. Analisis menunjukkan pentingnya nilai undi mengungguli lain-lain faktor pada tahap 91.4 peratus. Kesedaran mengundi didorong rasa tanggungjawab di hiraki kedua (82.4 peratus) dan ketiganya 80.2 peratus kerana ingin memastikan parti yang disukai menang semasa pilihanraya. Pemilihan kerana sukakan calon menyusuli di tangga ketiga pada kadar 62.2 peratus. Faktor tarikan kepada manifesto parti mengikut jejak pada sokongan 52.1 peratus.

Penemuan mencerminkan ternyata faktor calon tidak merupakan daya tarikan utama kecenderungan mengundi berbanding sikap kesedaran dan rasa tanggungjawab. Ini menunjukkan komitmen terhadap pengundian ketara tinggi sekaligus menafikan

masyarakat Kelantan begitu taksub kepada calon sebagaimana diperkatakan ramai penulis politik sebelum ini. Begitu juga dengan manifesto parti, ia dilihat tidak begitu menjadi faktor penarik.

Satu lagi aspek yang melibatkan kecenderungan mengundi ialah mengenai pandangan tidak bersetuju majoriti responden kerana ditaja dan dikerah. Kedua-dua faktor mendapat bantahan pada nisbah 60.7% : 51.3%. Pengundian kerana pengaruh teman dan perkempenan mendapat respon serupa pada kadar 71.6% : 58.4%.

Berdasarkan data tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa kecenderungan pengundi di Kelantan banyak didorongi kesedaran dan komitmen berparti. Sebaliknya, perkempenan dan janji-janji projek seperti yang sering menjadi tumpuan menjelang pilihanraya dilihat kurang *"menyengat"* dalam menentu corak pengundian.

**c. Pembentukan Polisi**

Mengenai pembentukan polisi pula, majoriti responden memilih teori persekitaran sebagai pilihan utama menggambarkan proses pembentukan polisi awam di Kelantan. Ini diikuti teori inkremental (62.0 peratus); permuafakatan (54.0 peratus); dan teori elit (32.0 peratus).

Ringkasnya, sebilangan besar responden berpendapat polisi awam yang dibentuk adalah hasil permintaan serta sokongan masyarakat terhadap sistem politik sedia ada. Kajian ini menunjukkan faktor elit seperti Nik Aziz Nik Mat, Istana dan Pegawai Tadbir tidak begitu berperanan penting. Penemuan tersebut didapati bertambah mantap apabila pengaruh parti menduduki tangga teratas selaku penyumbang idea pembentukan polisi pada mean 1.889. Ini diikuti Nik Aziz Nik Mat (mean 1.905); pengaruh politik (mean 2.518); Istana (mean 3.746); dan Pegawai Tadbir (mean 3.884).

Berteras penemuan, dapatlah dirumuskan bahawa penyumbang utama pembentukan polisi awam di Kelantan terdiri daripada tiga kumpulan masing-masing pengaruh parti, Nik Aziz dan politik. Golongan pentadbir tidak menampakkan berperanan penting. Ini membuktikan hubungan Pegawai Tadbir masih menjarakkan diri dari Kerajaan Negeri. Rentetan peristiwa sehingga berlakunya tindakan keluar Dewan semasa sidang DUN ke 9 berlangsung paada 18 Oktober 1996 dan krisis kepimpinan di antara YDP dengan Timbalan YDP di MPKB mengeruhkan lagi suasana.

**d. Pembentukan Budaya Politik**

Dalam proses pembentukan budaya politik, analisis data secara bersilang menonjolkan beberapa

aspek menarik. *Pertama*, hubungan di antara jantina dengan parti politik mendapati majoriti lelaki (53.3 peratus) menyokong PAS berbanding 40.4 peratus berpihak kepada UMNO. Sementara dari 36 responden perempuan, 22 darinya memilih UMNO relatif tujuh (7) kepada PAS. Penemuan ini secara tidak langsung menolak andaian yang menyatakan wanita lebih cenderung menyokong PAS. Justeru, jika dilihat jumlah penglibatan wanita PAS dalam perkempenan seringkali mengatasi UMNO, kemungkinan ia terdorong oleh aktiviti Pergerakan Muslimah PAS yang rata-rata lebih tinggi komitmennya berbanding Pergerakan Wanita (PW) UMNO.

*Kedua*, terdapatnya kecenderungan di kalangan responden bertaraf Universiti atau Kolej, STPM, SRP dan Sekolah Rendah memilih PAS sebagai parti pilihan sekitar 54.7 peratus. Sementara responden yang memilih UMNO pada tahap pendidikan sama sebanyak 39.3 peratus. Bagi yang berkelulusan SPM pula, UMNO dan PAS masing-masing mencatatkan nisbah 56.4% : 32.7%. Ini membuktikan PAS tidak hanya didokong kumpulan bawahan; UMNO pula lebih meraih sokongan kelas pertengahan.

*Ketiga*, catatan 52.1 peratus yang bekerja di sektor Kerajaan dan telah berkhidmat melewati 16 tahun merupakan kumpulan sangat meminati politik. Perkembangan ini dikira selari dengan sikap rakyat

yang cukup tinggi keprihatinan politiknya. Hakikat ini jelas menerusi pemaparan peratusan tinggi mendaftar mengundi di kalangan lelaki dan wanita masing-masing pada kedudukan 96.9% : 83.7%.

**e. Pelaksanaan Manifesto PAS**

Hasil kajian mendapati majoriti responden lebih beranggapan PAS berjaya dalam melaksanakan sebahagian besar manifestonya. Dalam konteks ini, pelaksanaan peraturan Islam menjuarai pada kadar 64.2 peratus. Menyusuli dekat ialah pengamalan kepimpinan Islam dan mempertingkat peranan masjid masing-masing pada nisbah 64.0% : 61.4%. Ini diikuti dengan mewujudkan pentadbiran amanah mendapat sokongan 56.2 peratus. Manakala galakan kesederhanaan dan amalan suasana politik berkonsep Islam mencatat kadar 53.9% : 52.0%.

Sebaliknya, PAS didapati gagal mewujudkan hubungan harmoni dengan Pegawai Tadbir pada kadar pandangan 50.5 peratus. Di tangga kedua ialah menjadikan media massa sebagai agensi bebas (49.4 peratus) dan ketiga menghapus amalan pilih kasih (35.2 peratus). Tuntutan keadilan tanpa diskriminasi berada di hiraki ke lima dengan catatan respon 30.7 peratus. Dilihat kepada kegagalan dua angkubah terakhir, persoalan pilih kasih dan tanpa diskriminasi; dirasai lebih mudah

dieksploit parti lawan guna meraih sokongan pengundi. Lazimnya, kesempatan mengadu-domba pihak yang tidak berpuashati sebegini mampu memberi "*advantage*" kepada aktor terlibat.

f. Isu-Isu Semasa

Terdapat sekurang-kurangnya dua penemuan menarik hasil pandangan responden terhadap isu-isu semasa. ***Pertama,*** terdapat kecenderungan majoriti responden bersikap tidak puashati terutama membabitkan UMNO, Istana dan Kerajaan Persekutuan. Dari ketiga-tiga kelompok tersebut sikap anti Persekutuan lebih menonjol pada kadar 49.8 peratus. Ini disusuli dengan kekeruhan hubungan Kerajaan Negeri-Istana dikait dengan peranan SUK sebanyak 43.1 peratus. Kenyataan Kerajaan PAS kini menghadapi tekanan dua penjuru; UMNO dan PTN turut membangkit sikap tidak puashati responden pada tahap yang sama.

***Kedua,*** sebilangan besar responden seolah-olah kelihatan memihak kepada Kerajaan Negeri apabila angkubah yang dipilih melibatkan pentadbiran dan kepimpinan PAS. Paling ketara ialah pandangan responden terhadap Kerajaan PAS kononnya benar-benar berhasrat melaksana Hukum Hudud.

Campurtangan pihak Kerajaan Negeri dalam urusan pentadbiran terutama MPKB di anggap wajar. Penemuan ini memberi dua petanda. ***Pertama,*** terdapat kecenderungan majoriti responden bersimpati dengan Kerajaan Negeri dalam usahanya mendepani kemelut di MPKB. ***Kedua,*** rata-rata responden dilihat bersikap lebih condong menentang UMNO yang di kata berperanan *"di belakang tabir"* mengeruhkan lagi keadaan di MPKB ketika sedang dilanda kegawatan.

**B. Syor Dan Cadangan**

Hasil daripada beberapa penemuan utama dalam kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan. Di antara cadangan tersebut termasuklah melibatkan budaya politik masyarakat Melayu Kelantan semasa PRU akan datang, penggubalan polisi dan pengukuhan dominasi UMNO serta PAS.

Mengenai budaya politik, adalah dirasai wajar bagi mana-mana parti politik yang ingin memenangi PRU akan datang menelitinya secara serius lagi terperinci. Penemuan kajian menunjukkan masyarakat Kelantan merupakan komuniti yang amat peka dengan perkembangan politik serta mempunyai rujukan tersendiri dalam memilih calon. Tradisi perkempenan, pengaruh media massa, janji-janji projek, pujukan rakan dilihat tidak begitu memain peranan penting.

Menyentuh penggubalan polisi, penemuan kajian menunjukkan majoriti responden percaya pembentukan polisi Kerajaan Negeri lebih banyak berteras permintaan dan sokongan ke atas faktor persekitaran. Implikasi dari persepsi ini ialah Kerajaan yang didokong oleh masyarakat seharusnya sensitif dengan segala keperluan dan tuntutan pendokongnya. Keutamaan memenuhi keinginan tersebut mampu membolehkannya mendapat sokongan padu. Ternyata, Kelantan tidak terlepas dari tuntutan sedemikian. Pengalaman lampau rakyat rela bertukar Kerajaan mungkin setelah merasai impian mereka tidak dipenuhi. Bagi mencapai matlamat, kuasa mutlak undi digunakan.

Selain itu, disarankan juga agar Kerajaan Negeri pimpinan PAS mengambil beberapa tindakan lebih konkrit terutama melunaskan janji manifesto PRU, sungguhpun kepuasan responden terhadap pelaksanaannya tinggi. Dalam masa yang sama, prioriti harus diberi ke atas mewujudkan hubungan harmoni dengan Pegawai Tadbir agar sokongan bertambah mantap. Kegagalan dan kealpaan terhadapnya memungkinkan sekali lagi rakyat Kelantan bertukar selera.

Dalam konteks UMNO pula, selaku parti pembangkang kedudukannya lebih selesa di Kelantan.

Penonjolan kelemahan parti lawan tentunya mudah dicungkil untuk mendapat "political mileage". Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna UMNO terlepas dari penilaian masyarakat Kelantan. Dalam usahanya menawan semula negeri itu, UMNO perlu mengambil beberapa langkah realistik. Kemungkinan perancangan wajar digerak untuk menarik lebih ramai golongan berpendidikan tinggi menyertai parti itu. Golongan ini boleh digembeling terutama mempertingkat kempen di kalangan lelaki. Berbekal sumber-sumber yang jauh mengatasi PAS, UMNO seharusnya dapat menawar pakej perkhidmatan lebih baik bermula dari sekarang dan tidak hanya teragak-agak selepas membentuk Kerajaan.

## C. Penutup

Pergolakan politik Kelantan di jangka berterusan. Perkembangan seterusnya menyaksikan PRK Semerak, Pasir Puteh pada 31 Julai hingga 11 Ogos 1997 telah dijadikan *"medan"* menguji kekuatan pengaruh terutama UMNO dengan PAS. Dalam masa yang sama, persaingan sengit tersebut turut menguji keikhlasan ahli-ahli bekas PMS 46, setelah menyertai UMNO pada 6 Oktober 1996. Terdahulu, semasa PRK Pulai Chondong, sokongan bekas PMS 46 di kata tidak menyeluruh.

Paling mutakhir apabila PAS dikait turut mengambil kesempatan di atas tumpuan terhadap pemilihan peringkat Bahagian UMNO mulai 12 hingga 29 Mac 1998. Peluang tersebut tercetus apabila Hussin Ahmad, ADUN Tendong berjaya dipikat untuk menyertai PAS pada 28 Februari 1998. Perkembangan tersebut secara tidak langsung memberi tamparan baru kepada UMNO dan rakannya, bekas PMS 46.

Hari Ulangtahun Keputeraan Sultan Kelantan ke 48 pada 30 - 31 March 1998 memperlihatkan *"permainan politik"* Istana belum berakhir. Desas-desus menyatakan penganugerahan gelaran *"Datuk"* kepada Ahmad Rosli Ibrahim, ADUN Salor ada pertaliannya dengan restu Tengku Razaleigh Hamzah. Kedua-dua tokoh bekas PMS 46 tersebut diberi laluan menang tanpa bertanding bagi jawatan Ketua UMNO Gua Musang (Tengku Razaleigh Hamzah) dan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kubang Kerian (Ahmad Rosli Ibrahim). Keputusan itu masing-masing dicapai semasa mesyuarat Perhubungan UMNO di Kota Bharu, Kelantan pada 26 Januari 1998 dan di Seri Perdana, Kuala Lumpur bertarikh 11 Mac 1998. Kedua-dua mesyuarat dipengerusi oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad, selaku Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan.

Berdasarkan perkembangan yang telah berlaku, ternyata bahawa politik Kelantan masih terikat kepada tiga faktor dominan. Faktor-faktor tersebut ialah PAS, UMNO dan Istana. Justeru, beberapa aspek menarik boleh dilihat susulan kajian ini yang di duga bakal mewarnai senario politik Negeri Cik Siti Wan Kembang sekaligus kecenderungan pengundi semasa PRU akan datang. Di antaranya mencakupi kekuatan pengaruh PAS secara bersendirian tanpa mendapat sokongan PMS 46; keikhlasan bekas ahli-ahli PMS 46 berpadu tenaga bersama UMNO; kebangkitan semula era kegemilangan Tengku Razaleigh Hamzah di Kelantan mahupun peringkat Persekutuan; dan peranan Istana.

Sementara itu, persoalan merintis hubungan baik di antara Kerajaan Pusat dengan Negeri, terutama menerusi beberapa perjanjian persefahaman yang melibatkan kedua belah pihak wajar diteroka. Prioriti hubungan tersebut boleh dilihat samada tanggapan ramai pihak bahawa kemuncak agenda kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad merampas semula Kelantan dari tangan PAS direalisasi atau sebaliknya. Pandangan awal menyatakan kegemilangan YAB Perdana Menteri belum sempurna dan sedikit terjejas apabila Kelantan, satu-satunya Negeri yang masih belum dapat ditawan semula oleh BN/UMNO.

# BIBLIOGRAFI


Abdul Aziz Zakarian, "Jentera Pentadbiran Kerajaan Di Malaysia Suatu Pengenalan", Dewan bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987.

Ahmad Atory Hussein, "Pembentukan Dasar Awam Malaysia", Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd, Kuala Lumpur 1990.

Ahmad Atory Hussein, "Politik dan dasar Awam Malaysia", Utusan Melayu Press, Kuala Lumpur 1990.

Ahmad Atory Hussein, "Kerajaan Tempatan, Teori dan Peranan di Malaysia", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Utusan Melayu Press, Kuala Lumpur 1991

Ahmad Kamar, The Leadership of Party Islam Se Malaysia (with special reference to the district od Kubang Pasu in the State of Kedah) Thesis Ph.D University Malaya.

Ahmad Kamar, "PAS Semakin Jauh Dari Amanah Alim Ulamak." Utusan Malaysia 3 Apr 1978

Ahmad Kamar, Islam Tercabar - Satu Pandangan Terhadap Perjuangan PAS, Penerbitan Pustaka Ilmu 48, Kuala Lumpur, 1979/1980.

Ahmad Maliki, " Antara Sultan Kelantan, Raja-Raja Melayu dan Kerajaan", Media Malaysia, 15 Mac 1993.

Alias Mohamad, "Sejarah Perjuangan Parti PAS : Satu Dilema". Utusan Publication, 1978.

Alias Mohamad,"Malaysia's Islamic Opposition : Past, Present and Future", Kuala Lumpur, Gateway Publishing House, 1987.

Almond, G.A and Sidney Verba, "The Civic Culture : Political Attitudes and Democracy in Five Nation, New Jersey, Princeton University Press, 1963.

Al-Yahya. "UMNO Kelantan: Siapa Yang Perlu Menukar Sikap?", Dewan Masyarakat: April, 1991.

Apter, David. "Ideology and Discontent", New York, The Free Press, ed. 1964.

Barber, Michael, "Public Administration" 3rd. ed., Mc Donald and Evans, 1983.

Brown, A and Gray, J, "Political Culture and Political Change in Communist States", London. Macmillan, 1977.

Caiden, Gerald E, "Administration Reform, Great Britain", Allen Lang The Penguin Press, 1970.

Caiden, Gerald E, "The Dynamic of Public Administration" Dryden Press, Hindsdale, 1971.

Chandra Muzaffar, "Challanges and Choices in Malaysian Politics and Society, Penang: Aliran Publication, 1989.

Dimock and Dimock, "Public Administration" Oxford and IBH Pub. 1958.

Downs, A, "Inside Bureacracy", Li Hle, Brown and Co Conade, 1967.

Edwards G.C and Sharkansky J, "The Policy Predicament", W.H Freeman and Co., San Fransisco 1978.

Funston, N. John. "Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO and PAS", Heinemann Educational Books (Asia) Ltd. Kuala Lumpur, 1980.

Funston, N. John. "The Origins of Parti Islam Se Malaysia", Journal of Southeast Asian Studies, Vol 7, No.1. (Mac) 1976.

Golembiewski et al, "Public Administration", Rand Mc Nally College Publishing Co. USA, 1972.

Ibrahim Ahmad, "Konflik UMNO PAS Dalam Isu Islamisasi", IBS Buku Sdn Bhd, 1989.

Junaidy Abu Bakar. "Budaya Politik Melayu Kelantan." Dewan Masyarakat. 1991 April : 14-15

Kamaruddin Jaafar, "Dr. Burhanuddin Al Helmy : Politik Melayu dan Islam" Yayasan Anda Sdn. Bhd. Kuala LUmpur, 1980

Kavanagh D. "Budaya Politik", Terjemahan Samsuddin Md. Rejab. DBP 1987.

Keeling D, "Management in Government" George Alan and Unwin Ltd. London, 1972.

Kessler, Clive S, "Islam and Politic in Malay State: Kelantan 1838 - 1969, Ithaca, Cornell Press, 1978.

Ku Mohd Khalib Tuan Ibrahim. "Perlembagaan Malaysia: Satu Analisa Ke Atas Bidang Kuasa dan Penglibatan Raja-Raja Dalam Politik Dengan Rujukan Khas Kepada Kes Kelantan." Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, UKM. 1988/89

Lateef N. Ahmad, "Pemikiran Baru Bagi Pentadbiran Awam Malaysia", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982.

Lijpart, Arend. "Consociational Democracy." World Politic, 21 (2) January 1969 Hal. 207-225

Marican, Mansoor Y, "Public Personnel Administration in Malaysia", Research Notes and Discussion Paper No.12, Institute od Southeast Asia Studies, 1979.

Mauzy, Diane K., "Barisan Nasional: Coalition Government in Malaysia", Marican & Sons, Kuala Lumpur, 1985

Means, Gordon P, "Malaysian Politics", 2nd ed. London : Hodger and Stoughton, 1976.

Milne, R.S, "Politik dan Kerajaan di Malaysia", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982.

Michael G. Roskin/Robert L. Cord/James A. Medeiros/Walter S. Jones, "Political Science - An Introduction" 5th Ed. Englewood Cliffs, NJ. Prentice Hall, 1992.

Mohd Agus Yusuf, "Politik Kelantan Selepas Pilihanraya 1990", Terbitan Tak Berlaka Dunia Melayu No.13, Institut Alam Dan Tamaddun Melayu, UKM, 1994.

Mohd Fauzi Yunus. "Faktor Sosiologi Sebabkan Kekalahan Teruk BN di Kelantan." Watan. 23 Oktober, 1990.

Mohd Sayuti Omar, "Dilema Politik Kelantan: Mampukah BN Gugat Angkatan", Tinta Merah, Kuala Lumpur, 1994.

Mohd Sayuti Omar, "Pergolakkan Politik Kelantan - Siapa Laga MB Dengan Sultan", Tinta Merah Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1996.

Negro, F.A, "Modern Public Administration", Harper and Row Publisher, New York, 1970.

Peters, B. Guys, "The POlitics of Bereaucracy", 3rd. ed., New York, 1989.

Puthucheary, M. "The Politics of Administrations The Malaysian Experiance", Oxford University Press, Kuala LUmpur, 1978.

Pye, Lucian, "Politivcal Culture" International Encyelopedia of Social Science, Vol 12, 1968

Pye, Lucian, "Aspect of Political Development", Boston, Little Brown & Co, London, 1966.

Rahmat Saripan, "Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776 - 1842, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lmpur, 1979.

Roff, William, R. "The Origin of Malay Nationalism", University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1967.

Rosli Isa. "UMNO Selepas 24 April 1987: Satu Kajian Krisis Kepimpinan Melayu." Kajian Ilmiah, Jabatan Sains Politik, UKM, 1988/89

Rossenbaum, W.A, "Political Culture", Thomas Nelson and Son Ltd, 1975.

Scott, James C, "Political Ideology in Malaysia : Reality and Belief of an Elite", University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1968.

Shafritz, J.M et al, " Classics of Public Administration", Moore Publishing Co. Illinois, 1978.

Sutherland J.w et al, "Management HAndbook For Public Administration", Litton Educational Pub. USA. 1978.

Dye R. Thomas, "Understanding Public Policy" 7th Ed. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall, 1992.

Wan Imran Wan Abd Rahman. "Krisis Politik : Siapa Salah... Sultan? Semangat 46? Atau PAS?". Federal Public Agency, 1996.

Yahya Ismail, "Bulan Purnama Gerhana di Kelantan". Dinamika Kreatif, Kuala Lumpur, 1978.

PENERBITAN RASMI


Bank Data Negeri/Daerah Malaysia 1998, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur , Disember 1998.

Buletin Bil.44 April (1), 1994.

Buletin Kerajaan Negeri Bil. 54 Sep 1994 (1).

Enekman Majlis Agama Islam Kelantan. No.2 Tahun 1965, Sek 7.24.

Enakmen Bekalan Air 1995, Enakmen Bil.4 Tahun 1995 Fasal 8(3)(e).

Election In Malaysia,"A Handbook of Facts and Figure on the Elections 1955 -1990", NSTP Reasearch and Infromation Services, Kuala Lumpur, 1994.

Warta Kerajaan, "Keputusan Pilihanraya Yang Dipertandingkan Dan Penyata Pengundian selepas Penjumlahan Rasmi Undi", Jil.39 No. 12. P.U (B) 269, Tambahan No.35 Perundangan (B), Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Kuala Lumpur, 8 Jun 1995.

Suara UMNO, Johor Bahru, 15 Sep 1951.

FAKULTI EKONOMI DAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

Tujuan soal selidik ini ialah untuk mendapatkan maklumat berkenaan pandangan serta sikap anda mengenai "PEMBENTUKAN POLISI DAN BEBERAPA ISU SEMASA MELIBATKAN KERAJAAN KELANTAN". Soal selidik ini memerlukan hanya 20 Minit mengisinya daripada masa anda. Sila jawab semua soalan. Tiada jawapan betul atau salah. Jawapan anda Yang Ikhlas amat dihargai.

*Semua jawapan adalah hanya untuk kegunaan penyelidik sahaja dan dirahsiakan.*

Kerjasama daripada Datuk/anda/tuan/puan
terlebih dahulu diucapkan
berbanyak-banyak terima kasih.

Haji Ab. Rahman Bin Hj. Ismail
Program Ijazah Doktor Falsafah,
Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran,
Universiti Malaya,
59100 KUALA LUMPUR

November 1997.

# PEMBENTUKAN POLISI AWAM : ORIENTASI UMNO DAN PAS TERHADAP BUDAYA POLITIK KELANTAN

## BAHAGIAN A : LATARBELAKANG

Sila TANDAKAN [ ] dalam petak yang anda pilih.

1. Umur: _______ tahun.

2. Jantina

[ ] Lelaki
[ ] Perempuan

3. Taraf Perkahwinan

[ ] Bujang
[ ] Kahwin
[ ] Duda
[ ] Janda

4. Kumpulan Etnik

[ ] Melayu
[ ] Cina
[ ] India
[ ] Lain-lain

5. Bilangan anak: _______ orang.

6. Taraf pelajaran akademik tertinggi

[ ] Universiti/ Kolej
[ ] STPM dan setaraf dengannya
[ ] SPM dan setaraf dengannya
[ ] SRP dan setaraf dengannya
[ ] Sekolah Rendah
[ ] Tiada mendapat pelajaran

7. Taraf pelajaran agama tertinggi

[ ] Universiti/ Kolej
[ ] STPM dan setaraf dengannya
[ ] SPM dan setaraf dengannya
[ ] SRP dan setaraf dengannya
[ ] Sekolah Rendah
[ ] Tiada mendapat pelajaran

8. Jenis pekerjaan

[ ] Kerajaan
[ ] Swasta
[ ] Sendiri
[ ] Tidak bekerja
[ ] Bersara

9. Kumpulan jawatan ( Untuk pegawai Kerajaan sahaja)

[ ] Kumpulan A
[ ] Kumpulan B
[ ] Kumpulan C
[ ] Kumpulan D dan ke bawah

10. Lantikan:

[ ] Kerajaan Persekutuan
[ ] Kerajaan Negeri

11. Tempohmasa berkhidmat: ______ tahun.

12. Pendapatan bulanan

[ ] Kurang dari RM 500/=
[ ] RM 500 - RM 999
[ ] RM 1000 - 1499
[ ] RM 1500 - RM 1999
[ ] RM 2000 dan ke atas

B: BUDAYA - POLITIK

13. Jika anda diberi peluang menyertai mana-mana parti, parti manakah pilihan anda

[ ] UMNO
[ ] MCA
[ ] MIC
[ ] PGRM
[ ] PAS
[ ] HAMIM
[ ] BERJASA
[ ] Tiada pilihan

14. Sejak bila anda meminati parti terlibat

[ ] Kurang dari 5 tahun
[ ] 6 ke 10 tahun
[ ] 11 ke 15 tahun
[ ] 16 tahun ke atas

15. Adakah anda pengundi berdaftar

[ ] Ya
[ ] Tidak

16. Jika ya, bilakah anda mendaftar

[ ] Kurang dari 5 tahun
[ ] 6 ke 10 tahun
[ ] 11 ke 15 tahun
[ ] 16 tahun ke atas

17. Nyatakan berapa kalikah anda pernah mengundi: _____ kali.

18. Tandakan [ ] peringkat pengundian anda.

| PARLIMEN | DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) |
|---|---|
| [ ] 1955 | [ ] 1955 |
| [ ] 1960 | [ ] 1960 |
| [ ] 1965 | [ ]. 1965 |
| [ ] 1969 | [ ] 1969 |
| [ ] 1974 | [ ] 1974 |
| [ ] 1978 | [ ] 1978 |
| [ ] 1982 | [ ] 1982 |
| [ ] 1986 | [ ] 1986 |
| [ ] 1990 | [ ] 1990 |
| [ ] 1995 | [ ] 1995 |

***Baca tiap-tiap soalan berikut dan nyatakan sejauhmana sikap anda terhadap kenyataan tersebut. Harap maklum bahawa tiada jawapan betul atau salah.***

| Amat Bersetuju (AB) | Bersetuju (B) | Sederhana (SD) | Kurang Bersetuju (KB) | Tidak Bersetuju (TB) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

Sila BULATKAN angka yang dapat menggambarkan perasaan anda dengan tepat. Angka kecil menunjukkan anda lebih bersetuju dengan faktor-faktor yang dinyatakan.

Bahagian ini antara lain menyentuh faktor-faktor bersabit kecenderongan mengundi.

| | | (AB) | (B) | (SD) | (KB) | (TB) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 19. | Komitmen tinggi | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 20. | Kesedaran pentingnya undi | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 21. | Ditaja | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 22. | Dikerah dengan kemudahan pengangkutan | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 23. | Sukakan parti | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 24. | Sukakan calon | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 25. | Terpengaruh dengan ajakan teman-teman | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 26. | Terpengaruh semasa kempen | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 27. | Janji-janji projek | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 28. | Pengaruh media | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 29. | Tarikan manifesto parti | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 30. | Spontan | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

**BAHAGIAN C: PEMBENTUKAN POLISI**

30. Adakah anda berpendapat pembentukan polisi Kerajaan Kelantan sebenarnya permuafakatan yang dicapai oleh kumpulan-kumpulan tertentu?

[ ] Ya
[ ] Tidak

31. Pembentukan polisi Kerajaan Kelantan lebih berpusat kepada pandangan golongan elit?

[ ] Ya
[ ] Tidak

32. Pembentukan polisi Kerajaan Kelantan merupakan penerusan dan tokok tambah dasar-dasar terdahulu?

[ ] Ya

[ ] Tidak

33. Pembentukan polisi Kerajaan Kelantan turut didorong faktor-faktor kuasa persekitaran?

[ ] Ya

[ ] Tidak

*Bagi soalan nombor 34-35, sila nyatakan pandangan anda ikut keutamaan dari No: 1 hingga 5. Nombor satu (1) menunjukkan hiraki paling setuju dan nombor 5 mencerminkan sebaliknya.*

34. Adakah anda berpendapat pembentukan polisi Kerajaan Negeri Kelantan lebih merupakan idea-idea:

[ ] Datuk Hj. Nik Aziz Nik Mat
[ ] Pengaruh Istana
[ ] Pengaruh politik
[ ] Pengaruh pentadbir
[ ] Pengaruh parti

35. Adakah anda berpendapat pembentukan polisi Kerajaan Pusat lebih merupakan idea-idea:

[ ] Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad
[ ] Pengaruh Kabinet
[ ] Pengaruh Dewan Rakyat/ Dewan Negara
[ ] Pengaruh politik
[ ] Pengaruh pentadbir
[ ] Pengaruh parti

BAHAGIAN D: PELAKSANAAN MANIFESTO (PAS) PILIHANRAYA UMUM 1990 DAN 1995

Bahagian ini cuba menilai pandangan umum terhadap pencapaian Kerajaan Negeri mengenai pelaksanaan manifesto PAS yang diutarakan semasa Pilihanraya Umum (PRU) 1990 dan 1995 terutama di bidang politik, pentadbiran dan ekonomi. Sila BULATKAN terhadap pandangan yang mencerminkan jawapan anda. Angka besar melambangkan anda lebih bersetuju dengan kejayaan yang dicapai.

| Amat Tidak Berjaya (ATB) | Tidak Berjaya (TB) | Tidak Pasti (TP) | Berjaya (B) | Amat Berjaya (AB) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

| | ATB | TB | TP | B | AB |
|---|---|---|---|---|---|
| 36. Pelaksanaan peraturan Islam dalam urusan pentadbiran semakin meningkat | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 37. Mengamalkan kepimpinan Islam sebagai sebahagian dari tuntutan syarak | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 38. Menghapuskan amalan pilih kasih dalam badan pelaksana di bidang pentadbiran | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 39. Menuntut keadilan kepada semua warga tanpa diskriminasi kaum, agama dan kefahaman politik | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

| | ATB | TB | TP | B | AB |
|---|---|---|---|---|---|
| 40. Mewujudkan pentadbiran lebih amanah | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 41. Hubungan pegawai tadbir dengan Kerajaan Negeri semakin harmoni | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 42. Menggalakkan kesederhanaan di kalangan pemimpin Kerajaan dalam urusan pentadbiran negeri | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 43. Mempertingkatkan peranan Masjid sebagai pusat pengembangan dakwah | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 44. Menjadikan media massa sebagai agensi bebas dari alatan politik | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 45. Mewujudkan suasana politik negara menurut konsep politik Islam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

**BAHAGIAN E: ISU-ISU SEMASA**

Bahagian ini akan menyentuh beberapa isu semasa. Sila BULATKAN terhadap jawapan yang mencerminkan pendapat anda. Angka besar melambangkan anda lebih berpuas hati terhadap isu-isu semasa yang ditonjolkan.

| Amat Tidak Berpuashati (ATP) | Tidak Puashati (TP) | Berkecuali (BK) | Puashati (P) | Amat Puashati (AP) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

| | ATP | TP | BK | P | AP |
|---|---|---|---|---|---|
| 46. Kerajaan Negeri benar-benar berhasrat melaksanakan Hudud | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 47. Kecaman PAS terhadap Istana menambahkan lagi sokongan rakyat terhadap parti itu | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

| | ATP | TP | BK | P | AP |
|---|---|---|---|---|---|
| 48. Kerajaan Persekutuan adil dalam menyalurkan peruntukan kepada Kerajaan Negeri | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 49. Ketentuan politik KELANTAN terikat kepada persefahaman UMNO, PAS dan Istana | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 50. Kerajaan PAS kini menghadapi tekanan dari UMNO dan Pegawai Tadbir Negeri (PTN) | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 51. Majlis "Amanat Tok Guru" pada 5 OKT 96 di Stadium Sultan Mohamad ke IV , KOTA BHARU sebagai tindak balas PAS terhadap "Perhimpunan Penyatuan Melayu" pada 3 OKT 96 di Sek. Keb. Padang Garong, KOTA BHARU | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 52. Campurtangan Kerajaan Negeri dalam proses pentadbiran di MPKB adalah wajar | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 53. Kekeruhan hubungan Kerajaan Negeri-Istana dikait dengan peranan SUK | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 54. Urusetia PAS lebih berhak menyediakan teks khutbah berbanding Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 55. Teks khutbah yang disedia Urusetia PAS semasa Hari Raya lalu bersifat protes terhadap AL-Sultan | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 56. Tindakan Kerajaan Negeri menangani isu Kelantan Water Sdn. Bhd. (KWSB) mengutamakan kepentingan rakyat. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 57. Rintisan beberapa Perjanjian Persefahaman (MoU) Kerajaan Negeri perlu diteruskan | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

LAMPIRAN 'C'

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA UMUM BAGI
KERUSI DUN KELANTAN - [25 APR 95]

---

NEGERI : KELANTAN    KOD : P.019 TUMPAT

| BIL | NAMA CALON | PARTI | JUMLAH | PERATUS |
|---|---|---|---|---|
| 1. | KAMARUDDIN JAAFAR, DATUK | BN/UMNO | 15764 | 45.77% |
| 2. | WAN MOHD JAMIL WAN MAHMUD | PAS | 17682 | 51.35% |
| 3. | | | 0 | 0.00% |
| 4. | | | 0 | 0.00% |
| 5. | | | 0 | 0.00% |

JUMLAH PENGUNDI BERDAFTAR : 46202    MAJORITI : 1918
JUMLAH KELUAR MENGUNDI : 34436    UNDI ROSAK : 990
PERATUS KELUAR MENGUNDI : 74.53%

PEMENANG : WAN MOHD JAMIL WAN MAHMUD    PARTI : PAS

---

NEGERI : KELANTAN    KOD : P.020 PENGKALAN CHEPA

| BIL | NAMA CALON | PARTI | JUMLAH | PERATUS |
|---|---|---|---|---|
| 1. | ISMAIL MAT, DR | BN/UMNO | 9316 | 29.64% |
| 2. | NIK AMAR NIK ABDULLAH | PAS | 20410 | 64.93% |
| 3. | YUSUF MAT | AKIM | 221 | 0.70% |
| 4. | | | 0 | 0.00% |
| 5. | | | 0 | 0.00% |

JUMLAH PENGUNDI BERDAFTAR : 42263    MAJORITI : 11094
JUMLAH KELUAR MENGUNDI : 31433    UNDI ROSAK : 1486
PERATUS KELUAR MENGUNDI : 74.37%

PEMENANG : NIK AMAR NIK ABDULLAH    PARTI : PAS

---

NEGERI : KELANTAN    KOD : P.021 KOTA BHARU

| BIL | NAMA CALON | PARTI | JUMLAH | PERATUS |
|---|---|---|---|---|
| 1. | AHMAD RASTOM AHMAD MAHER, DATO | BN/UMNO | 17828 | 41.63% |
| 2. | ILANI DATO ISHAK, HJH | PMS.46 | 24096 | 56.26% |
| 3. | | | 0 | 0.00% |
| 4. | | | 0 | 0.00% |
| 5. | | | 0 | 0.00% |

JUMLAH PENGUNDI BERDAFTAR : 60366    MAJORITI : 6268
JUMLAH KELUAR MENGUNDI : 42826    UNDI ROSAK : 902
PERATUS KELUAR MENGUNDI : 70.94%

PEMENANG : ILANI DATO ISHAK    PARTI : PMS.46

---

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA UMUM BAGI
KERUSI DUN KELANTAN - [25 APR 95]

NEGERI : KELANTAN — KOD : P.022 PASIR MAS

| BIL | NAMA CALON | PARTI | JUMLAH | PERATUS |
|---|---|---|---|---|
| 1. | IBRAHIM ALI, HJ | BN/UMNO | 16178 | 44.05% |
| 2. | ZAINUDDIN MOHD NOR | PMS.46 | 19394 | 52.81% |
| 3. | | | 0 | 0.00% |
| 4. | | | 0 | 0.00% |
| 5. | | | 0 | 0.00% |

JUMLAH PENGUNDI BERDAFTAR : 48389 — MAJORITI : 3216
JUMLAH KELUAR MENGUNDI : 36726 — UNDI ROSAK : 1154
PERATUS KELUAR MENGUNDI : 75.89%

PEMENANG : ZAINUDDIN MOHD NOR — PARTI : PMS.46

## 3.5 CUTI HUJUNG MINGGU

PAS akan menyelaraskan cuti hujung minggu di semua peringka dengan menjadikan hari Jumaat dan Sabtu sebagai cuti hujung minggu dengan diubahsuai tempoh bekerja pada lima hari kerja.

## 3.6 PERKHIDMATAN HAJI

a. Oleh kerana perkhidmatan haji suatu yang penting bagi umat Islam, PAS akan mengadakan satu sistem perkhidmatan haji yang lebih teratur, dengan mengimbangkan kepentingan jamaah dan kepentingan perniagaan. Harga tambang ke Tanah Suci untuk umat Islam menunaikan fardu haji akan dikaji semula.

b. Penyimpan dalam Tabung Haji dan bakal haji bukan saja akan mendapat deviden, tetapi mereka juga akan diberi sumbangan kewangan hasil dari keuntungan simpanan wang yang diniagakan supaya mengurangkan beban kewangan dan belanja jamaah haji.

## 4. PENTADBIRAN AMANAH DAN ITQAN

a. Perkhidmatan pentadbiran amanah dan itqan akan dijadikan dasar pentadbiran negara.

b. Menggantikan sistem SSB serta memperbaiki gaji, layanan perkhidmatan dan kebajikan semua kakitangan kerajaan.

c. Kemudahan pinjaman perumahan dan kenderaan dan lain-lain tanpa riba akan diperkenalkan di semua peringkat.

d. Menghapuskan prejudis rakyat kepada pegawai kerajaan sebagai agen kepada parti pemerintah dan mengembalikan status dan wibawa mereka di kalangan rakyat.

e. Menjamin kenaikan pangkat secara adil kepada kakitangan kerajaan tanpa mengira kaum dan agama.

f. Membebaskan pegawai kerajaan dari diperalatkan oleh golonga politik dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

## 5. SUASANA POLITIK SIHAT

Mewujudkan suasana politik negara menurut konsep politik Islam.

a. Mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat sebagai salah satu program utama kerajaan



b. Menanam dan memupuk semangat kejiranan di kalangan rakyat dan memastikan semangat hormat menghormati sesama mereka terus dihayati.

c. Memerangi semua bentuk kezaliman, penindasan, diskriminasi perkauman, rasuah dan lain-lain amalan tidak sihat dan tidak berperikemanusiaan

d. Menghormati hak-hak rakyat dalam menganuti mana-mana fahaman politik dan memberi haluan yang sewajarnya kepada semua parti politik dalam menjalankan aktiviti mereka.

e. Menghormati pandangan dan kehendak rakyat yang diputuskan melalui pilihanraya

f. Memastikan agar semua agensi-agensi kerajaan diberi kebebasan sepenuhnya dan terlepas dari diperalatkan oleh parti-parti politik tertentu.

g. Memastikan agar para pemimpin parti dan pegawai kerajaan tidak menggunakan kedudukan mereka membolot kekayaan negara semasa mereka berada di dalam kekuasaan.

h. Melaksanakan konsep pemimpin untuk rakyat dan rakyat bersama pemimpin dalam membangun dan mentadbir negara.

## 6. MEDIA MASSA

Bertanggungjawab memupuk nilai murni dan akhlak

a. Menjadikan media massa sebagai sumber maklumat untuk mendidik rakyat bagi menjadi warga yang bermaklumat.

b. Menjadikan media massa sebagai agensi yang bertanggungjawab dan bebas dari dipergunakan oleh parti politik pemerintah untuk tujuan kepentingan politik kepartian mereka.

c. Menyediakan ruang dan peluang yang saksama kepada semua parti politik dalam menyuara dan menerangkan dasar perjuangan masing-masing.

d. Menentukan garis panduan kepada semua media cetak dan elektronik (akhbar/TV) agar tidak mendedahkan maklumat atau program yang boleh membawa kepada keruntuhan akhlak rakyat.

## 7. DASAR EKONOMI ADIL

a. Menyusun semula dasar dan pelaksanaan ekonomi negara untuk menwujudkan keadilan dan menghapuskan penyelewengan yang kian ketara sekarang.

b. Menghapuskan sebarang bentuk dan unsur perjudian serta sebarang bentuk kegiatan ekonomi yang



bercanggah dengan nilai agama, akhlak dan kemanusiaan.

c. Mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan aktivis ekonomi tidak akan mendatangkan kesan buruk kepada kesihatan rakyat dan alam sekitar.

d. Melaksanakan sistem ekonomi Islam dalam semua institusi kewangan negara.

e. Memastikan kemasukan pelabur asing dan pembinaan industri juga kilang-kilang tidak akan menimbulkan kejutan budaya yang akhirnya menimbulkan krisis moral di kalangan rakyat terutama sekali di kalangan para pekerja.

f. Memberi keutamaan kepada pelabur tempatan melibatkan diri dengan aktiviti dalam pembangunan negara.

g. Mengambil langkah-langkah perlu supaya rakyat tidak dianiaya dan mendapat hak yang sewajarnya dari semua projek pembangunan yang melibatkan hak milik mereka.

h. Mewujudkan program ekonomi yang melibatkan rakyat secara langsung, bukan melalui perantaraan syarikat gergasi yang hanya menjadikan rakyat sebagai buruh.

i. Memastikan semua tabung amanah yang diwujudkan oleh kerajaan tidak bertentangan dengan Islam.

j. Memastikan agar setiap program ekonomi tidak akan mengorbankan rakyat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

## 7.1 GALAKAN PERNIAGAAN

a. Suatu dasar baru akan digubal bagi mewujudkan masyarakat peniaga di kalangan sebahagian besar rakyat. Kemudahan perniagaan akan diwujudkan bagi mengatasi masalah birokrasi.

b. Dasar monopoli yang berlaku sekarang akan disemak semula. Keutamaan dan perlindungan sewajarnya akan diberi kepada usahawan tempatan.

## 7.2 KAJIAN SEMULA SISTEM CUKAI

a. Sistem cukai akan diseragamkan. Sesetengah cukai sekarang membebankan rakyat, tidak kurang pula cukai bertindan. Potongan cukai pendapatan akan dibuat ke atas setiap anak yang dilahirkan juga ke atas semua isteri.

## 7.3 DASAR PERTANIAN TERNAKAN DAN PERIKANAN

a. Para petani akan dilindungi melalui program pemanfaatan sektor pertanian untuk kemakmuran negara.

b. Mengutamakan program pertanian yang menjamin keperluan makanan seperti padi, jagung dan lain-lain di samping pertanian yang menghasilkan komoditi seperti getah, kelapa sawit dan lain-lain.

c. Mengutama dan meningkatkan pengeluaran beras negara supaya tidak bergantung kepada beras negara jiran di samping menjamin masa depan penanam padi tempatan.

d. Memperkenalkan program bersepadu bagi meningkatkan pendapatan para nelayan kecil.

e. Melancarkan program perikanan yang dapat dimanfaatkan oleh semua golongan nelayan, khususnya nelayan kecil. Akta perikanan akan dikaji agar dapat menjamin hak dan keadilan untuk semua nelayan.

f. Memastikan agar lesen untuk menangkap ikan di semua peringkat hanya diberi kepada nelayan yang sebenar bukan kepada pemodal yang ingin melabur di bidang perikanan.

g. Mempertingkat program penternakan bagi tujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara ternakan yang terulung menghasilkan daging halal, susu dan barangan kulit.

h. Memastikan industri ternakan akan dapat menampung keperluan daging negara dan juga untuk tujuan ekspot. Program ini akan mengujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat terutama sekali di luar bandar di samping dapat membendung pengaliran wang keluar negara.

## 7.4 DASAR PENSWASTAAN

Dasar penswastaan akan diteruskan dengan kajian semula meliputi:

a. Kerajaan sebagai pemegang saham terbesar dan berkuasa menentukan dasar syarikat.

b. Pemilikan saham individu akan dihadkan dan dikawal bagi mengelakkan monopoli seseorang.

c. Penswastaan atas keperluan asas seperti air dan api akan dikaji semula kerana ia bertentangan dengan Islam.

## 7.5 DASAR INDUSTRI

Mewujudkan pusat pertumbuhan ekonomi secara menyeluruh dengan mengutamakan industri kecil dan sederhana (IKS), termasuk industri makanan di kawasan pendalaman dan mengagihkan pengeluaran komponen barangan tertentu, dengan tujuan:-

a. Menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk luar bandar di samping mengawal penghijrahan mereka ke bandar-bandar.

b. Mengurangkan penumpuan penduduk di sesuatu kawasan perindustrian yang mengakibatkan kesesakan dan meningkatnya sara hidup serta krisis moral.

c. Mengawal masalah sosial dan pencemaran alam



sekitar.

d. Mengawal institusi keluarga supaya tidak runtuh oleh kesan dari program perindustrian.

e. Membanyakkan sektor pembuatan terutama makanan. Dengan ini ekspot bahan mentah akan dihadkan.

f. Mengadakan syarat ke atas mana-mana industri supaya memperuntukkan sebahagian dari keuntungan untuk tujuan menyediakan kemudahan asas kepada rakyat di persekitaran atau menurunkan harga barangan mereka untuk keperluan rakyat setempat.

g. Memastikan industri kimia berbahaya yang tidak boleh didirikan di negara maju, tidak dibina di negara ini.

## 7.6 DASAR PERLOMBONGAN PETROLIUM

a. Menaikkan peratus royalti petrolium kepada negeri-negeri yang terbabit.

b. Perlombongan emas akan dijadikan industri utama yang baru dan rakyat akan ditawar melibatkan diri secara aktif dalam industri ini.

c. Memulihkan semula industri bijih timah sambil mengkaji dari sudut teknologi supaya kegunaan timah dipelbagaikan. Galian seperti marmar, besi dan lain-lain akan dipulihkan sebagai sumber ekonomi yang penting.

d. Memastikan pihak pelombong membaik pulih tanah lombong yang sudah diusahakan.

## 7.7 DASAR PERHUTANAN

a. Menjadikan Malaysia sebagai kawasan dan pengeluaran kayu-kayan terpenting di dunia secara berterusan dengan mengawal pengeluaran sambil mengambil kira kepentingan alam sekitar.

b. Mengembangkan ekspot kayu gergaji dan semua hasil pertukangan kayu.

c. Mengembangkan industri perabot dan meningkatkan qualiti pengeluaran.

## 7.8 MEMELIHARA KEPENTINGAN PENGGUNA

a. Mengkaji semula kedudukan wang deposit untuk sesuatu perkhidmatan (air, elektrik, telefon) yang digunakan oleh kerajaan atau swasta tanpa dimanfaatkan oleh pendeposit.

b. Mengkaji semula kadar bayaran bil air, api dan telefon.

c. Melindungi pengguna dari eksploitasi iklan barangan yang tidak munasabah dan tidak bermoral dengan mengkaji semula akta iklan.

d. Mengawal harga barangan asas seperti beras, sayur, ikan, ayam daging dan sebagainya. Memastikan harga tersebut selaras di seluruh negara.



e. Menurunkan dan mengawal harga bahan pembinaan seperti simen, besi, batu, kayu dan lain lain untuk mengurangkan kos pembinaan dan harga rumah yang tinggi.

f. Mengkaji semula sistem lebuhraya dan perjanjian yang berkaitan dengan penswastaan yang menggunakan tol dan mengawal bayarannya supaya tidak membebankan pengguna lebuhraya.

g. Dalam jangka panjang penswastaan ke atas lebuhraya akan dihentikan kerana lebuhraya adalah kemudahan yang perlu disediakan oleh kerajaan.

h. Membentuk sebuah masyarakat bermaklumat dengan menggalakkan pertumbuhan R & D atau penyelidikan dan pembangunan.

i. Menurunkan harga bahan bacaan, bahan komunikasi elektronik supaya rakyat dapat didedahkan dengan perkembangan semasa, kemajuan sains dan teknologi. Di samping kebebasan akhbar terjamin.

## 7.9 DASAR PEMBERIAN TANAH

Satu skim galakan untuk memajukan tanah terbiar akan diwujudkan. Di samping itu Kanun Tanah Negara akan disemak semula bagi menjamin terpeliharanya hak dan kepentingan rakyat ke atas tanah.

Satu dasar kawalan yang tegas mengenai pemilikan tanah warganegara asing akan diwujudkan. Di samping itu program menolong para petani, khususnya peneroka akan diadakan sebagai berikut:-

a. Memberi hak milik tanah pertanian kepada rakyat miskin dan kepada peneroka Felda dan lain-lain.

b. Satu program pertanian bersepadu di kalangan peneroka akan dilaksanakan, termasuk program ternakan, perikanan dan industri.

c. Mengkaji semula akta penempatan beramai-ramai (GSA) bagi meringankan beban kos ke atas peneroka dan jika perlu, ia akan dimansuhkan.

d. Tidak akan meneruskan rancangan penswastaan tanah Felda kerana dasar itu menjadikan peneroka sebagai hamba di atas tanah yang mereka terokai sendiri.

e. Memastikan pelaksanaan bahawa semua tanah rezab Melayu yang diambil oleh kerajaan selama ini akan diganti semula denga tanah yang lain dengan mengikut keluasan dan nilai yang setimpal.

## 8. PENDIDIKAN

Sistem pendidikan negara yang diamalkan masih gagal untuk mencapai kehendak falsafah pendidikan yang menjadi hasrat dan tuntutan ummah yang mempunyai perimbangan di antara pembentukan rohani dan jasmani, malah ianya diganggu gugat oleh gejala negatif melalui korikulum pendidikan itu sendiri yang secara jelas sedang mengheret generasi kepada khayalan, dan kerun tuhan akhlak di samping melahirkan budaya mabuk kebendaan yang telah melampau batas batas keagamaan dan kemanusiaan.

### 8.1 MATLAMAT PENDIDIKAN

Falsafah pendidikan kita ialah untuk melahirkan warganegara yang merupakan insan soleh iaitu insan yang berilmu, bertaqwa bertanggungjawab serta menghayati nilai-nilai kemanusiaan dan akhlak mulia.

### 8.2 STRATEGI PENDIDIKAN

a. Menyusun semula korikulum pendidikan bersepadu yang benar-benar dapat mencapai matlamat falsafah pendidikan yang boleh mengimbangkan di antara rohani dan jasmani.

b. Menyusun semula sistem pendidikan yang lebih berkesan dalam rangka melahirkan remaja yang mampu berdikari.

c. Menyediakan tabung khas pendidikan bagi membantu pelajar-pelajar cemerlang tanpa diskriminasi kaum dalam melanjutka pelajaran.

d. Menjamin hak setiap rakyat melanjutkan pelajaran kesemua peringkat pengajian. Justeru itu pusat-pusat pengajian tinggi akan ditambah bagi memenuhi keperluan rakyat.

e. Membanyakkan sekolah-sekolah berasrama termasuk Sekolah Rendah di kawasan luar bandar.

f. Menyediakan skim pinjaman untuk semua pelajar memasuki pusat pengajian tinggi tanpa perbezaan kaum.

g. Mengkaji dan mengawal perjalanan dan pentadbiran pusat-pusat pengajian tinggi swasta.

h. Menggalakkan penubuhan sekolah berasingan lelaki dan perempuan.

i. Menjadikan mata pelajaran agama Islam (moral bagi bukan Islam) sebagai mata pelajaran wajib di dalam semua peringkat peperiksaan.

j. Menghidupkan suasana di mana masyarakat menyintai ilmu dan menghargai ilmu.

k. Menjadikan Malaysia sebagai pusat pertumbuhan dan penyebaran ilmu yang terulung di rantau ini.

## 8.3 PENDIDIKAN ISLAM

a. Menyusun semula korikulum bersepadu yang berteraskan Islam di samping menjamin keberterusan pengajian turath (tulin) Islam diperingkat menengah dan tinggi.

b. Meningkatkan bilangan sekolah Agama dan Rendah dan pusat Tahfiz al Quran di seluruh negara.

c. Menyelaraskan sistem pendidikan di sekolah-sekolah agama agar sesuai dengan keperluan semasa di samping memelihara dan meningkatkan mutu pengajian Islam sebagai kursus utama.

d. Mengembangkan dan mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahas Kebangsaan dan rasmi negara di samping mengembang dan mempertingkatkan Bahasa Al Quran serta menjamin kebebasan bahasa-bahasa lain.

## 9. MELINDUNGI KAUM BURUH

a. Membela kaum pekerja serta keluarga mereka dalam semua aspek terutama jaminan keselamatan dari faedah Perkeso yang lebih baik.

b. Memastikan setiap pekerja mendapat saham yang munasabah dari industri yang mereka berkhidmat di samping menentukan gaji minima kepada pekerja yang terlibat dengan industri-industri yang meraih keuntungan yang tinggi.

c. Menjamin hak kesatuan.

d. Mewujudkan perpaduan di kalangan kaum buruh.

e. Mengkaji pengambilan dan kedudukan buruh asing bagi memastikan kebajikan buruh tempatan tidak tergugat.

## 10. DASAR LUAR BEBAS DAN AKTIF SERTA MEMPERTAHAN MARUAH ISLAM

a. Mempertahankan Islam, kedaulatan rakyat dan negara, keutuhan wilayah, kemerdekaan, keselamatan, kepentingan politik, ekonomi, sosila dan kebudayaan negara melalui dunia diplomatik.

b. Mengeratkan hubungan persahabatan dengan semua negara, khususnya negara umat Islam dan negara jiran.

c. Aktif dalam OIC, ASEAN, PBB dan Kumpulan Dunia Ketiga (NAM) dan pertubuhan serantau yang sedia terjalin.

d. Menghormati semua perjanjian yang sedia ada dan jika difikirkan perlu, disesuaikan dengan dasar PAS maka rundingan akan diadakan dengan pihak berkenaan.

e. Menyokong hak asasi manusia, menentang penindasan, kezaliman, diskriminasi dan pencerobohan di mana saja.

f. Mempertahankan keunggulan Islam di masyarakat antarabangsa



## 11. PERTAHANAN BEROREANTASI ISLAM

a. Menjadikan tentera Malaysia sebagai tentera Islam ~~yang~~ sebenar yang bertanggungjawab, berdisplin berakhlak mulia seperti yang dikehendaki oleh Islam, serta bertanggungjawab mempertahankan kesucian agama dan kedaulatan negara.

Sehubungan dengan itu mereka akan dilindungi dari dicemar perbuatan mungkar dan gejala yang tidak sihat seperti dadah, arak, judi dan lain-lain.

b. Meningkatkan lagi kemudahan dan kebajikan anggota tentera (termasuk yang telah bersara) mengenai gaji, rumah dan lain-lain.

c. Menghapuskan oreantasi anggota baru tentera yang keterlaluan. Sebaliknya digantikan dengan orentasi yang sesuai denga Islam.

## 12. ALAM SEKITAR: MEMELIHARA KURNIA ALLAH

PAS akan memberikan perhatian serius ke atas perlunya penjagaan alam sekitar.

a. Undang-undang yang ada akan dikaji semula dan penguatkuasaa pencegahan pencemaran alam sekitar akan ditingkatkan.

b. Pengeluaran kayu balak akan dikawal disamping itu pemeliharaan dan pemulihan hutan yang ditebang akan dipertingkatkan

c. Memastikan semua perancangan industri akan mengambil kira kepentingan alam sekitar.

d. Lebih banyak 'green belt' atau 'dataran hijau' akan diwujudkan, di samping memelihara keaslian alam semula jadi.

Demikianlah manifesto politik dan pilihanraya yang dikemukakan oleh PAS kepada rakyat negara ini untuk pertimbangan mereka dalam membuat keputusan dan pilihan muktamad bersama Angkatan Perpaduan Ummah dalam pilihanraya umum ini. Ia sebagai alternatif kepada pemerintah Barisan Nasional sekarang yang diselubungi oleh kepincangan, penyelewengan, pilih kasih, rasuah, monopoli dan segala kemungkaran. Semoga Allah SWT membuka hati rakyat semua lapisan rakyat agar menerima pandangan yang kita kemukakan dan bersedia membuat perubahan.

ربنا افتح بيننا وبين قومنا بالحق
وانت خير الفاتحين

KELANTAN

**KERTAS MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN MENGENAI PERLANTIKAN TIMBALAN YANG DI PERTUA DAN SETIAUSAHA MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU**

Tujuan

Saya diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan menyediakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan mengenai kedudukan dari segi undang-undang mengenai penempatan Timbalan Yang Di Pertua dan Setiausaha dari Pegawai Tadbir Negeri (PTN) sebagai pinjaman oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri ke Majlis Perbandaran Kota Bharu. Kertas itu tidak dapat disediakan dengan segera kerana beberapa sumber perlu diperolehi. Lanjutan daripada itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam mesyuaratnya pada 25 September 1996 membuat keputusan mengarahkan saya menyediakan kertas MMK dengan segera: sebelum 29 September 1996.

Latar Belakang

2.1. Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri telah menghantar dua orang Pegawai Tadbir Negeri (PTN) untuk berkhidmat sebagai Timbalan Yang Di Pertua dan Setiausaha Majlis Perbandaran Kota Bharu. Pegawai Tadbir Negeri itu ialah Y.Brs. Tuan Hj. Alseri bin Alias sebagai Timbalan Yang Di Pertua dan Y.Brs. Tuan Hj. Shkori bin Mohamad sebagai Setiausaha. Arahan Pertukaran Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri adalah seperti di Lampiran A dan B. Kedua-dua pegawai itu adalah dianggap sebagai pegawai pinjaman. Pihak Majlis Perbandaran Kota Bharu pula menegaskan bahawa mereka tidak pernah meminta pegawai-pegawai itu dipinjamkan ke Majlis Perbandaran Kota Bharu. Oleh yang demikian, mereka menolak arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri itu. Surat penolakan itu adalah seperti di Lampiran C.

2.2. Pada 17 Oktober 1979 MMK telah membuat keputusan mewujudkan jawatan Timbalan Yang DiPertua yang terdiri daripada Pegawai Tadbir Negeri. Ketika itu Yang DiPertua adalah disandang oleh YAB Menteri Besar. Kertas MMK itu adalah seperti di Lampiran D. Surat makluman pentadbiran Kerajaan kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu mengenai keputusan MMK itu adalah seperti di 'Lampiran E'.

2.3. Pada 25 September 1996 YB. Pengerusi Kerajaan Tempatan mengemukakan Kertas ringkas meminta MMK membuat keputusan menarik balik Timbalan Yang DiPertua dan Setiausaha Majlis Perbandaran Kota Bharu itu dan menggantikannya

dengan calon yang lain dari kalangan Pegawai Tadbir Negeri juga memandangkan penempatan mereka adalah tidak menurut peraturan dan undang-undang. Kertas ringkas MMK itu adalah seperti di Lampiran F. MMK dengan keputusan majoriti 5-4 bersetuju dengan keputusan itu.

## Kedudukan Undang-undang

3.1. Penempatan Pegawai Pinjaman dijelaskan dalam Perkara 134 Perlembagaan Persekutuan pindaan Akta A 885 berkuatkuasa 24.6.94 yang berbunyi :-

> (1) Persekutuan boleh atas permintaan sesebuah Negeri, pihak berkuasa tempatan, atau pihak berkuasa berkanun, di dalam atau di luar Malaysia meminjamkan seseorang anggota perkhidmatan awamnya bagi perkhidmatan negeri, pihak berkuasa atau organisasi, mengikut mana yang berkenaan, dan negeri boleh, atas permintaan persekutuan, negeri lain, sesebuah pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa berkanun atau mana-mana organisasi, di dalam atau di luar Malaysia meminjamkan seseorang anggota perkhidmatan awamnya sendiri ke perkhidmatan Persekutuan, Negeri lain, pihak berkuasa atau organisasi, mengikut mana yang berkenaan. "
>
> Seseorang yang dipinjamkan di bawah Perkara ini adalah tetap menjadi anggota perkhidmatan yang dianggotainya, tetapi saraannya hendaklah dibayar oleh Persekutuan, Negeri, pihak berkuasa atau organisasi, mengikut mana yang berkenaan dimana perkhidmatannya dipinjamkan."

3.2. Sebelum pindaan itu, perkataan "pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa berkanun dan organisasi", antara lainnya tidak wujud dalam Perkara 134 itu.

3.3. Penyelarasan pindaan Perkara 134 itu dengan kertas MMK Lampiran D sewajarnya dibuat.

3.4. Peruntukan Perkara 134 di atas adalah jelas bahawa sebelum mana-mana pegawai dalam mana-mana perkhidmatan dipinjamkan, ia mestilah ada

permintaan dari negeri, pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa berkanun atau persekutuan.

3.5. Dalam kes Majlis Perbandaran Kota Bharu ini, saya dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai itu dihantar ke Majlis Perbandaran itu tanpa permintaan daripada Majlis Perbandaran Kota Bharu.

3.6. Sehubungan dengan itu, pihak pentadbiran Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Khusus mengenai tatacara pegawai pinjaman sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/1989 seperti di Lampiran G.

3.7. Takrif Pihak Berkuasa Negeri.

Erti Pihak Berkuasa Negeri terdapat dalam tiga Akta iaitu :

3.7.1. Di bawah Seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan yang memberi erti :-

a) berhubung dengan Negeri-Negeri Malaysia Barat, ertinya Raja Dalam Mesyuarat atau Gabenor dalam Mesyuarat sesebuah Negeri dan termasuklah di Negeri Sembilan Yang Di Pertuan Besar yang bertindak bagi pihak dirinya sendiri dan Pembesar-Pembesar Memerintah; dan

b) berhubung dengan Wilayah Persekutuan ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi Kerajaan Tempatan.

3.7.2. Di bawah Seksyen 5 Kanun Tanah Negara yang memberi erti Raja atau Gabenor di sesebuah Negeri mengikut mana yang berkenaan;

dan

3.7.3. Dibawah Seksyen 2 Akta Tafsiran yang memberi erti Raja atau Tuan Yang Terutama sesebuah Negeri dan termasuklah dan Negeri Sembilan Yang Di Pertuan Besar yang bertindak bagi pihak diri Baginda dan Pembesar Memerintah.

3.8. Untuk maksud Pihak Berkuasa Negeri di Negeri Kelantan Akta Tafsiran atau mana-mana Akta yang berkenaan perlu dibaca bersama dengan Perkara XV Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan yang memperuntukkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah bertindak menurut nasihat Majlis Mesyuarat atau ahlinya yang menjalankan kewajipan menurut kuasa am Majlis Mesyuarat Kerajaan itu.

3.9. Menurut Seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan erti Yang Di Pertua adalah termasuk Timbalan Yang Di Pertua. Perlantikannya adalah oleh Pihak Berkuasa Negeri seperti yang diperuntukkan oleh Seksyen 10(a) Akta yang sama. Begitu juga dengan Setiausaha, ia adalah dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri seperti yang diperuntukkan oleh Seksyen 2 Akta yang sama.

3.10. Jelasnya perlantikan Timbalan Yang Di Pertua dan Setiausaha adalah oleh Pihak Berkuasa Negeri iaitu Raja dan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Kuasa Majlis Perbandaran Kota Bharu Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan Mengenai Kakitangan

4.1. Majlis Perbandaran Kota Bharu adalah sebuah perbadanan. Seksyen 13 Akta Kerajaan Tempatan 1976 memperuntukkan bahawa:

"Tiap-tiap pihak berkuasa tempatan adalah suatu pertubuhan perbadanan dan adalah turun menurun dan hendaklah mempunyai suatu meteri yang mana boleh diubah dari semasa ke semasa dan boleh mendakwa dan didakwa, memperolehi, memegang dan menjual harta dan amnya boleh melakukan dan dijalankan di sisi undang-undang oleh pertubuhan-pertubuhan perbadanan."

4.2. Majlis Perbandaran Kota Bharu sebagai pihak berkuasa tempatan boleh mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusannya suatu senarai jawatan-jawatan yang difikirkan perlu. Seksyen 16 Akta yang sama memperuntukkan:

(1) Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah, sekali dalam tiap-tiap tahun sebelum atau pada masa mengemukakan Belanjawan Pihak Berkuasa Tempatan itu kepada Pihakberkuasa Negeri di bawah seksyen 55, mengemukakan suatu senarai jawatan-jawatan yang difikirkan perlu oleh pihakberkuasa tempatan itu bagi maksud Akta ini dengan gaji dan elaun, jika ada, yang dicadang dhendak diberi kepada jawatan-jawatan itu masing-masing.

(2) Senarai itu, apabila diluluskan oleh Pihakberkuasa Negeri, hendaklah terus berkuasa sehingga suatu senarai baru diluluskan dengan cara yang sama.

(3) Pihakberkuasa tempatan boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Pihakberkuasa Negeri untuk kelulusannya apa-apa perubahan dan tambahan dalam dan kepada senarai itu, dan perubahan dan tambahan itu, apabila diluluskan, hendaklah mempunyai kuatkuasa yang sama seolah-olah ia telah dimasukkan dalam senarai itu.

(4) Datuk Bandar Kuala Lumpur, mengenai Wilayah Persekutuan, atau Datuk Bandar atau Yang Dipertua atau wakilnya yang mana hendaklah seorang Ahlimajlis, Setiausaha dan seorang lagi Ahlimajlis, mengenai lain-lain pihakberkuasa tempatan, boleh melantik orang-orang itu ke jawatan-jawatan yang ditunjukkan dalam senarai yang diluluskan sedemikian dan boleh menurunkan pangkat atau membuang orang-orang itu dari jawatan-jawatan dan boleh melantik orang-orang lain bagi menggantikan mereka:

Dengan syarat bahawa penurunan pangkat atau pembuangan seseorang Ketua Jabatan atau Timbalannya dari jawatannya tidak boleh berkuatkuasa sehingga penurunan atau pembuangan itu, telah disahkan oleh Pihakberkuasa Negeri:

Dengan syarat selanjutnya bahawa tiada seorang pegawai atau pekerja boleh diturunkan atau dibuang tanpa diberi peluang yang berpatutan untuk didengar.

Seksyen 17 pula memperuntukkan:

"(1) Sesuatu pihakberkuasa tempatan boleh, dengan kelulusan Pihakberkuasa Negeri, dari semasa ke semasa membuat kaedah-kaedah bagi maksud mengekalkan kelakuan baik dan tatatertib antara pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja dan boleh mengenakan apa-apa hukuman ke atas mana-mana pegawai atau pekerja itu yang bersalah kerana salahlaku atau melanggar kewajipannya dalam menjalankan tugas-tugas rasminya:

Dengan syarat bahawa tiada sesuatu hukuman boleh dikenakan ke atas mana-mana Ketua Jabatan atau Timbalannya tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Pihakberkuasa Negeri.".

(2) Pihakberkuasa tempatan itu boleh menggantung daripada kewajipan mana-mana pegawai atau pekerja yang dituduh melakukan salahlaku atau pelanggaran terhadap kewajipan pada menjalankan tugas-tugas rasminya, dan jika semasa digantung sedemikian pegawai atau pekerja itu adalah dipecat daripada jawatannya maka hendaklah dibayar kepadanya bagi tempuh penggantungan itu sebahagian sahaja daripada gaji jawatannya yang mana tidak boleh kurang daripada setengah mengikut sebagaimana yang difikirkan patut oleh pihakberkuasa tempatan itu.

(3) Sesuatu pihakberkuasa tempatan boleh, dengan kelulusan Pihakberkuasa Negeri, dari semasa ke semasa membuat kaedah-kaedah bagi mengadakan peraturan mengenai kelulusan-kelulusan, pemegangan jawatan, kewajipan-kewajipan dan had-had dan syarat-syarat perkhidmatan, termasuk perkara-perkara berhubung dengan faedah kelepasan, cuti, faedah-faedah pengurangan kakitangan dan persaraan, bagi pegawai-pegawai dan pekerja-pekerjanya.

(4) Seksyen ini hendaklah berkuatkuasa walau apapun peruntukan Ordinan Pekerjaan, 1955.

4.3. Berdasarkan kepada peruntukan di atas, Pihak Berkuasa Tempatan yakni Majlis Perbandaran Kota Bharu mempunyai kuasa otonomi atau entitinya sendiri untuk perjawatan-perjawatan yang tertentu dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri

5.1. Perkara LXI/61(9) Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan memperuntukkan

"Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang sedia ada kepada peruntukan-peruntukan Bahagian ini, maka adalah menjadi tugas Suruhanjaya untuk melantik, mengesahkan dan memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau berpencen, menaikkan pangkat, menukarkan dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas ahli-ahli perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya."

12. Berdasarkan peruntukan di atas Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri tiada kuasa ... Majlis Perbandaran Kota Bharu sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan ... empunyai entiti dan otonominya yang tersendiri. Majlis Perbandaran Kota Bharu hanya ... k kepada kawalan Pihak Berkuasa Negeri.

Kesahihan Penempatan Pegawai-Pegawai Yang Berkenaan

6.1. Pihak Majlis Perbandaran Kota Bharu tidak meminta pegawai-pegawai dipinjamkan kepada mereka.

6.2. Pegawai-pegawai itu dihantar oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri tanpa permintaan daripada Majlis Perbandaran Kota Bharu.

6.3. Majlis Perbandaran Kota Bharu sebagai sebuah perbadanan adalah bukan di bawah kawalan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri.

6.4. Penempatan pegawai-pegawai itu tidak dirujukkan kepada Pihak Berkuasa Negeri iaitu Raja dan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang merupakan dua pihak utama dalam takrif Pihak Berkuasa Negeri.

6.5. Berdasarkan kepada Perkara 134 Perlembagaan Persekutuan dan Pekeliling 5/1969, penghantaran pegawai-pegawai itu ke Majlis Perbandaran Kota Bharu adalah tidak menurut peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

6.6. Oleh yang demikian, saya dengan rendah hati berpendapat bahawa penempatan pegawai itu ke Majlis Perbandaran Kota Bharu adalah bertentangan dengan undang-undang yang ditetapkan. Maka tindakan atau perbuatan itu adalah tidak sah.

Pengesyoran

Berdasarkan kepada perenggan-perenggan 3 dan 4 di atas, adalah disyorkan supaya keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 25 September 1996 mengenai perkara di atas disahkan. Sehubungan dengan itu suatu penyelarasan yang seragam perlu dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri mengenai isu pegawai pinjaman itu. Pihak Berkuasa

Keputusan

Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah diminta menimbang dan membuat keputusan sama ada bersetuju atau tidak dengan pengesyoran di perenggan 7 di atas.

Disediakan oleh;

(DATO' MOHD AZMAN BIN HUSIN)
Penasihat Undang-undang Negeri,
Kelantan.

Bertarikh: 27 September, 1996.
PU (KN) 656(5)

LAMPIRAN 'F'

# MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU


Jalan Hospital, 15000 Kota Bharu Kelantan.

TEL: TIMBALAN YANG DIPERTUA 74
SETIAUSAHA 74
PEJABAT 74 74: 74( 74!

NO. FAX 74!


Sila nyatakan bilangan kertas ini manakala menjawab.

MPKB/

Tarikh : 26 Rejab 1418
27 November 1997

** Assalamualaikum **

Kemajlis,

1. Ketua Jabatan Bangunan
2. Ketua Bahagian Letak Kereta
3. Ketua Bahagian Penguatkuasa
4. Ketua Jabatan Kewangan & Perbendaharaan
5. Ketua Jabatan Taman & Rekreasi
6. Ketua Jabatan Pelesenan
7. Ketua Jabatan Perkhidmatan Bandar

Tuan,

**KAJI SELIDIK DARI UNIVERSITI MALAYA**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara diatas.

Sukacita dimaklumkan bahawa seorang Sarjana dari Universiti Malaya, Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran ingin membuat satu kajian selidik mengenai Pembentukan Polisi Dan Beberapa Isu Semasa Melibatkan Kerajaan Kelantan.

Sehubungan dengan itu, pihak tuan dikehendaki hadir pada hari Ahad, 2.30 petang bertempat di bilik Gerakan, MPKB untuk sessi tersebut. Pihak tuan juga dikehendaki membawa bersama tiga orang kakitangan yang berlainan jawatan ( Kategori B,C & D ) untuk tujuan yang sama.

Diatas kerjasama pihak tuan sangatlah diharapkan bagi menjayakan sessi ini.

Sekian, terima kasih.

** MEMBANGUN BERSAMA ISLAM**

Yang Ikhlas,

( Hj. Noordin b. Yaacob )
YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU.

*Sila hadir sama.*